



**KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**DASAR KANAK-KANAK NEGARA DAN PELAN TINDAKAN (2026-2030)
PERKUKUH PERLINDUNGAN DAN KESEJAHTERAAN
KANAK - KANAK DI MALAYSIA**

Hari ini saya telah melancarkan Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan (2026-2030) sempena Majlis Perasmian *ASEAN ICT Forum on Child Online Protection 2025* yang telah menghimpunkan 294 peserta dari negara-negara ASEAN, agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, pemain industri teknologi dan rakan strategik antarabangsa termasuk UNICEF, Sekretariat ASEAN dan Kerajaan Australia di Kuala Lumpur.

Dasar ini merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai komitmen negara untuk memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia menikmati hak yang setara dalam aspek perlindungan, perkembangan, kelangsungan hidup dan penyertaan yang bermakna selaras dengan prinsip *Convention on the Rights of the Child* (CRC).

Saya telah menyatakan bahawa komitmen Malaysia dalam memperkukuh pendekatan *whole-of-government* dalam melindungi kanak-kanak di ruang dalam talian dengan memperkuat kerjasama rentas sempadan, bekerjasama rapat dengan industri teknologi sebagai rakan strategik, memperkasa keluarga, guru dan komuniti, serta membina keyakinan dan daya tahan digital dalam kalangan kanak-kanak.

Malah, usaha ini bukan sahaja bertujuan untuk mengawal internet, tetapi memastikan kanak-kanak dapat meneroka, belajar dan meluahkan diri mereka dengan selamat dan penuh keyakinan.

Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan (2026-2030) ini merupakan transformasi sistem perlindungan kanak-kanak negara yang saling melengkapi dan akan menjadi dasar payung dalam memacu hala tuju negara untuk membentuk persekitaran yang selamat, inklusif, sejahtera dan menyokong perkembangan holistik kanak-kanak.

Dasar ini juga dirangka bagi menjawab cabaran semasa termasuk risiko keganasan, pengabaian, eksploitasi, kesihatan mental, jurang digital dan ancaman keselamatan dalam talian kanak-kanak.

Seiring dengan perkembangan digital yang semakin pesat, Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan (2026-2030) turut menekankan tentang keselamatan kanak-kanak dalam talian serta perlindungan terhadap ancaman siber melalui pendidikan literasi digital, kerjasama industri teknologi, dan penyelarasan undang-undang selaras dengan standard antarabangsa.

Program *ASEAN ICT Forum on Child Online Protection 2025* ini turut menjadi platform untuk memantapkan kerjasama serantau melalui perkongsian amalan terbaik, pembangunan garis panduan serantau dan penyelarasan tindakan rentas sempadan bagi melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi dan penyalahgunaan dalam talian.

Saya turut bersetuju apabila YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa kanak-kanak bukan sekadar pengguna pasif teknologi, sebaliknya mereka ialah warganegara aktif dalam dunia digital. Mereka berhak untuk didengari, dilibatkan dan dilindungi dalam membentuk masa depan ruang digital yang selamat.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengintegrasikan hak kanak-kanak dalam dasar digital melalui kerjasama dengan agensi seperti Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Kementerian Pendidikan (KPM) serta

organisasi masyarakat sivil untuk mempromosikan literasi digital, meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan siber, dan memperkukuh mekanisme bagi mencegah eksploitasi dalam talian.

Saya menggesa agar semua pihak termasuk agensi kerajaan, keluarga, komuniti, NGO, pihak industri serta rakan antarabangsa dapat bersama-sama memainkan tanggungjawab terhadap Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan (2026-2030). Semoga program seperti *ASEAN ICT Forum on Child Online Protection 2025* dapat menjadikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam memperkukuh perlindungan kanak-kanak, khususnya dalam ekosistem digital.

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri dan
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

18 November 2025